



Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan yang berikut:

PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W1

Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kewangan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred Gaji	:	W1
Taraf Pelantikan	:	(i) Calon lantikan baharu adalah secara pelantikan kontrak (Interim) selama 3 tahun; dan (ii) Pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan adalah secara pelantikan tetap.
Jadual Gaji (Min - Mak)	:	RM1,500.00 – RM4,680.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM100.00
Kekosongan	:	1 jawatan

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut :
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut (Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,561.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,561.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,622.00); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,622.00).

- (d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DISKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas kewangan sepenuh masa yang merangkumi skop fungsi bidang tugas membantu menyediakan dan mengemaskini belanjawan tahunan, menyelenggara rekod dan menyediakan laporan perbelanjaan, mengurus, menyelenggara, memantau semua jenis panjar termasuk membantu menguruskan kewangan am, bayaran emolumen, pengurusan perolehan kerajaan, pengurusan pembayaran dan pengurusan akaun.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang permohonan jawatan EAIC yang boleh dimuat turun dari laman sesawang www.eaic.gov.my.
2. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport terbaharu, salinan ijazah/Diploma/STPM/SPM, sijil-sijil, surat beranak dan salinan kad pengenalan **yang telah disahkan**.
3. Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan mengemukakan salinan buku perkhidmatan dan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 3 tahun terakhir (2021, 2022 dan 2023).
4. Borang permohonan yang tidak lengkap/tidak memenuhi syarat tidak akan dipertimbangkan.
5. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN YANG DIPOHON** di sebelah atas kiri sampul surat dengan **HURUF BESAR** dan dikemukakan kepada:

**SETIAUSAHA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
NO.18 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2, 62652 PUTRAJAYA
(U.P: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 28 JANUARI 2025 (SELASA)

Sekiranya tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.